

**PENJADUALAN KULIAH DAN PENDAFTARAN KURSUS
SESI PENGAJIAN JANUARI-APRIL 2011**

Perubahan kecil pada Jadual Aktiviti Pengurusan Akademik sesi Julai – November 2010 adalah berwarna merah.

4. PENJADUALAN KULIAH DAN PENDAFTARAN KURSUS UNTUK SESI PENGAJIAN JANUARI – APRIL 2011 Proses berkaitan penyediaan Jadual Waktu Kuliah (JWK) dan Pendaftaran Kursus [Kemaskini 24/8/2010]			
BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TINDAKAN
1.	24 – 30 Ogos 2010	Penyediaan data ramalan untuk penjanaan JWK	PSMB
2.	1 September 2010	Muat turun data untuk penjanaan JWK	Fakulti/ UiTM Negeri
3.	6 – 24 September 2010	Penjanaan JWK sesi pengajian Januari – April 2011	Fakulti/ UiTM Negeri
4.	26 September – 1 Oktober 2010	Pelaksanaan Semi-Auto Registration (by choice)*	Fakulti/ UiTM Negeri
5.	4 – 22 Oktober 2010	Pendaftaran Kursus	PSMB
6.	25 Oktober – 14 November 2010	Peperiksaan Akhir Oktober 2010 bermula	-
7.	10 Disember 2010	Pengumuman keputusan peperiksaan Oktober 2010	PSMB
8.	22 Disember 2010 – 21 Januari 2011	Gugur/Tambah pendaftaran kursus (pelajar lama)	PSMB
9.	22 Disember 2010 – 21 Januari 2011	Pendaftaran kursus pelajar baru (Pasca Siswazah)	PSMB
10.	30 Disember 2010 – 28 Januari 2011	Pendaftaran kursus pelajar baru (selain Pasca Siswazah & Asasi)	PSMB
11.	3 Januari 2010	Kuliah Sesi 2011/2012 Bermula	-

*Nota: Sila lihat penerangan berkenaan aktiviti ini pada mukasurat sebelah.

SEMI-AUTO REGISTRATION FOR CLEARCUT STUDENTS

Pelajar-pelajar clearcut ialah mereka yang mengikuti pengajian 100% mengikut pelan pengajian. Pendaftaran kursus pelajar clearcut adalah amat mudah untuk ditadbir dan dikawal oleh fakulti/kampus. Fakulti/kampus boleh menetapkan kumpulan bagi setiap kursus terdaftar untuk pelajar clearcut dengan menggunakan skrin Semi-Auto Registration, di mana kumpulan kuliah ditetapkan oleh fakulti/kampus sebelum proses pendaftaran kursus dibuka kepada semua pelajar.

Kumpulan yang telah diberikan oleh fakulti/kampus untuk pelajar adalah tetap dan tidak boleh diubah, melainkan dengan kebenaran dari KP/AR/EO.

Kelebihan melaksanakan Semi-Auto Registration:

- a) Fakulti/kampus dapat memastikan bahawa semua pelajar clearcut mendapat tempat di kelas-kelas yang telah disediakan. Hanya pelajar pengulang dan/atau yang tidak mematuhi pelan pengajian sahaja perlu mencari ruang-ruang kosong dalam kelas yang telah disediakan untuk mereka masuki.
- b) Fakulti/kampus boleh merancang penempatan pelajar dalam kumpulan mengikut logik dan keperluan masing-masing.
- c) Pelajar tidak perlu lagi berebut untuk memasuki kelas-kelas yang ditawarkan pada waktu-waktu perdana, contohnya yang bukan Isnin pagi atau petang Jumaat.
- d) Kesesakan trafik maya semasa tempoh proses pendaftaran kursus dapat dikurangkan dengan drastik memandangkan bahawa sekitar 50%-70% pelajar ialah clearcut dan tidak perlu lagi masuk i-student portal untuk mendaftarkan kursus.

Masalah yang mungkin dihadapi sekiranya melaksanakan Semi-Auto Registration:

- a) Jadual waktu kuliah hendaklah siap seminggu sebelum skrin pendaftaran kursus dibuka kepada pelajar.
- b) Staf hendaklah memberikan masa untuk menyempurnakan proses Semi-Auto Registration sebelum skrin pendaftaran kursus dibuka kepada pelajar.
- c) Fakulti/kampus akan menerima banyak permohonan dan rayuan dari pelajar yang tidak dapat memilih kumpulan yang mereka sukai atas sebab-sebab peribadi. Segala rayuan seperti ini ada masanya boleh menimbulkan tekanan kepada pegawai yang menjaga kaunter. Fakulti/kampus yang memilih untuk melaksanakan Semi-Auto Registration hendaklah mempunyai dasar yang kukuh dan berpegang pada dasar tersebut.

Berdasarkan kepada penerangan di atas, fakulti/kampus bolehlah mempertimbangkan samada akan melaksanakan proses Semi-Auto Registration.